

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

SOALAN

DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status muktamad berkaitan penyata hutang peneroka FELDA, sejauh mana penghapusan sebahagian nilai hutang yang diragui melalui Laporan Ketua Audit Negara 2018 dan berapa ramai peneroka mendapat manfaat.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 November 2021, hampir 99 ribu peneroka atau 87.5% daripada keseluruhan peneroka telah menandatangani perjanjian penghapusan pinjaman. Peneroka yang menandatangani perjanjian tersebut mula menikmati pengurangan bayaran pinjaman bermula September 2021. Tawaran penghapusan pinjaman ini adalah berdasarkan syarat peneroka perlu menghantar hasil atau menyerahkan pengurusan kebun kepada FELDA. Peneroka yang ingin menguruskan kebun sendiri juga disyaratkan menghantar hasil kebun kepada FELDA. Secara keseluruhannya, jumlah hutang peneroka FELDA yang akan dihapuskan secara bersyarat adalah RM8.32 bilion.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM
[TAMPIN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkara yang berkaitan dengan Kertas Putih FELDA berhubung Program Pembangunan Peneroka. Apakah program yang telah dilaksanakan dan sejauh mana ia telah mendatangkan faedah kepada peneroka.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Pembangunan Peneroka (PPP) merupakan salah satu inisiatif di bawah Kertas Putih FELDA. Objektif utama inisiatif ini adalah bagi memberikan pendapatan tambahan kepada warga peneroka FELDA melalui aktiviti pertanian atau ternakan selain pendapatan utama daripada tanaman kelapa sawit atau getah. Selain itu, PPP juga akan membolehkan kawasan FELDA menjadi kawasan pengeluaran makanan negara selain mentransformasi masyarakat FELDA sebagai sebuah komuniti yang moden, mandiri dan mampan.

2. Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan PPP. Pelaksanaan PPP dibuat secara 3 model iaitu model peneroka, model komersil dan model bersama Agrobank. Setiap model ini mempunyai dua kategori pelaksanaan iaitu sama ada individu (plasma) atau koperasi

peneroka. Sehingga November 2021, sebanyak 6,597 projek PPP melibatkan 52,368 peneroka dengan jumlah bantuan kewangan berjumlah hampir RM130 juta telah diluluskan.

3. Program PPP menawarkan 10 jenis aktiviti pertanian atau ternakan seperti berikut:

Kategori	Aktiviti Pertanian/ Ternakan
Koperasi/badan	Burung Walit
	Arnab
	Ikan tilapia
	Ayam pedaging
Plasma (individu)	Arnab
	Ayam kampung
	Cili fertigasi
	Lebah kelulut
	Biri-biri/ Kambing
	Ikan tilapia

4. Daripada 6,597 projek PPP yang telah diluluskan, 2% daripadanya adalah projek akuakultur, 41% adalah projek tanaman dan baki atau 57% adalah projek ternakan.

Sekian, terima kasih.